



LINCAH...mempersembahkan silat dalam seni Anak Kayan.



PRAKTIS...gelagat peserta dalam KKAK ketika sesi latihan.



BERBAKAT...Nur Fatimah menyanyikan lagu Lenggang Si Anak Kayan diiringi barisan pemain muzik.

Pertahanan keaslian muzik

KUMPULAN Kesenian Anak Kayan (KKAK) satu nama baru dalam dunia muzik irama tradisional Melayu yang semakin dikenali di sekitar daerah Kuantan, Pahang walaupun baru ditubuhkan enam bulan lalu.

Kumpulan dianggotai sembilan anggota berusia lima hingga 15 tahun ini pertama kali mengadakan persembahan di majlis perkahwinan dua minggu selepas penubuhannya pada 3 Oktober tahun lalu.

Persembahan mereka sungguh meyakinkan sehingga penonton terpaku kerana setiap irama muzik diperdengarkan disulami nyanyian lagu rakyat yang didendangkan seorang gadis sunti berusia 10 tahun.

Pengurus kumpulan, Mohd Rafali Ramli, 35, berkata kumpulan itu semakin dikenali

kerana kesungguhan mereka memperjuang dan mempertahankan muzik tradisional Melayu lama yang diwarisi sejak zaman berzaman.

"Saya melihat KKAK sebagai kesinambungan daripada kumpulan gendang silat yang lama bertapak di negara ini," katanya ketika ditemui pada sesi latihan kumpulan itu di Kampung Permatang Badak, Kuantan, baru-baru ini.

Mohd Rafali berkata, penubuhan kumpulan itu lebih kepada misi memelihara dan menyambung warisan seni budaya Melayu yang semakin terpinggir disebabkan pengaruh muzik Barat.

"Kita perlu pertahankan keaslian muzik tradisional Melayu lama... tidak ramai anak muda hari ini berminat dengan irama

sedemikian kerana mereka lebih terdedah dengan muzik moden yang dibawa dari Barat," katanya.

Beliau berkata, ahli KKAK tidak mengambil masa lama untuk menyesuaikan dan memahirkan diri bermain alat muzik seperti gendang ibu, gendang anak, rebana, keketuk, gong, tetawak dan buluh kuntum.

Antara lagu rakyat yang kerap didendangkan berjudul Seloka Negeri, Tarian Gajah, Burunglah Kenek-Kenek, dan Anak Kambing Cantik-cantik manakala lagu kontemporari pula Lenggang Si Anak Kayan, Menghilir Sungai Pahang, Duka Megat Panji Alam, Wau-wau Pepeh dan Joget Pahang.

Lagu diperdengarkan sungguh puitis dan indah menggunakan dialek Pahang yang sarat dengan unsur nasihat dan bukan

sekadar lagu semata-mata.

Selain lagu ciptaan dan gubahan sendiri, KKAK mengentengahkan lagu rakyat ciptaan Penyelidik dan Pengkaji Budaya Melayu di Malaysia, Profesor Datuk Dr Aripin Said apabila mengadakan persembahan.

KKAK juga baru selesai merakam lima lagu nyanyian mereka sebagai usaha mempertahankannya daripada pupus ditelan zaman.

Sepanjang penubuhannya, KKAK pernah dijemput mengadakan persembahan pada jamuan Aidilfitri Parlimen Paya Besar, Perasmian Batik dan Tenuun 2009 di pusat membeli-belah East Coast Mall dan Program Seni Setempat anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Pahang dan kejohanan silat anjuran Persatuan Silat Pahang (Pesaka) di Kuantan.

Mohd Rafali berkata, usaha memartabatkan kesenian dan kebudayaan menerusi lagu rakyat harus diteruskan supaya ia tidak lupus dari ingatan generasi baru yang cenderung meminati genre muzik baru.

"Harapan kami untuk melihat lagu rakyat terus didengari dan diingati serta tidak luput daripada arus kemodenan dunia hiburan hari ini," katanya.

Ahli KKAK, Noor Afina Noor Noor Azman, 15, berkata penyertaannya dalam kumpulan itu berputik selepas melihat kesungguhan bapa dan abangnya menjiwai irama muzik tradisional itu.


"Bapa menghargai irama muzik tradisional ini dan sanggup mempelajari lagu baru daripada rakan di daerah lain untuk diterapkan dalam muzik yang kami bawa.

"Saya lebih berminat menyertai kumpulan kesenian ini daripada menikmati irama muzik moden yang belum tentu mempunyai nilai tinggi untuk diwarisi generasi akan datang," katanya yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Rangin, di sini.


Abangnya, Noor Ashraf Noor Azman, 20, berharap irama muzik gendang silat yang dimainkan dapat dimartabatkan hingga ke peringkat lebih tinggi kerana tidak ramai golongan muda tahu kewujudan seni muzik rakyat ini.

"Ayah pernah bercerita mengenai kisah warga emas yang mengalirkan air mata apabila melihat kami membuat persembahan dengan menggunakan alat muzik yang tidak lengkap.

"Saya memilih menyertai kumpulan ini untuk menarik minat




BELAJAR...Deena (kiri) diajar bermain gamelan.



TUNJUK AJAR...ahli diajar cara meniup alat muzik Tetuang.

PROFIL PESERTA



>Profil

NAMA: Nur Fatimah Aqillah Mustakim
UMUR: 10 tahun
LAHIR: 5 Disember 2000
PENDIDIKAN: SK Permatang Badak
POSISI: penyanyi utama



>Profil

NAMA: Noor Afina Noor Azman
UMUR: 15 tahun
LAHIR: 31 Mac 1995
PENDIDIKAN: SMK Bukit Rangan
POSISI: pemain alat muzik (gong)



>Profil

NAMA: Noor Ashraf Noor Azman
UMUR: 20 tahun
LAHIR: 11 Julai 1990
POSISI: pemain alat muzik (gitar) dan penyanyi



>Profil

NAMA: Saiful Amirul Arshad
UMUR: 11 tahun
LAHIR: 14 Mac 1999
PENDIDIKAN: SK Permatang Badak
POSISI: pemain alat muzik (gong)

tempatan

lebih ramai golongan muda beruang memperkasakan lagi seni budaya tradisi ini," katanya.

Nur Farah Amalina Mustafina, 12, berminat menyertai kumpulan itu selepas melihat keasyikan rakannya bermain alat muzik tradisional, gong dan gendang ibu.

"Saya pelik melihat dia bersemangat memukul gong dan gendang yang biasanya dimainkan budak lelaki.

Selain itu, dia kurang mementi alat muzik moden. Minatnya yang mendalam membuka hati saya untuk turut menyertai KKAK dan diberi peluang bermain alat muzik kekotuk," kata pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Permatang Badak ini.

Pemampilan berani dan bersejaja dua beradik yang masih

muda, Engku Tan Ariefudean Che Wan Mohd Fadli, 5, dan kakaknya Che Wan Deena Khadeja, 8, tidak perlu diper-soal kerana kebolehan mereka sungguh meyakinkan.

Bapa mereka yang juga pengurus kumpulan, Che Wan Muhamad Fadli Che Wan Zainuddin, berkata kedua-dua anaknya mementi muzik tradisional dan kerap bermain alat muzik itu ketika menyaksikan persembahan.

"Engku Tan Ariefudean mula memukul kompang pada usia empat tahun manakala kakaknya sejak berusia enam tahun.

"Kesempatan itu saya ambil untuk melatih mereka bermain alat muzik dan menunjukkan kebolehan di luar dugaan," katanya.

Nur Fatimah Aqillah Musta-

kim, 10, pula diberi kepercayaan menjadi penyanyi utama KKAK.

"Saya gembira menjadi penyanyi utama dan setiap kali membuat persembahan, saya menyampaikan sekurang-kurangnya lima lagu dan ada kalanya lebih daripada itu," katanya.

Saiful Amirul Arshad, 11, yang bermain alat muzik gong menyifatkan penyertaannya sebagai langkah menyekatnya menyertai aktiviti tidak sihat di kawasan tempat tinggalnya.

"Daripada membuang masa melakukan kegiatan tidak berfaedah, lebih baik saya berkumpul dengan rakan bermain muzik.

"Muzik yang dimainkan mempunyai ciri-ciri dan keistimewaan tersendiri dan saya tertarik untuk mengikutinya

KKAK mempraktikkan seni tradisional dalam muzik irama Melayu lama

kerana mementi alat muzik digunakan," katanya.

Usaha memartabatkan seni warisan Melayu ini mendapat sokongan padu Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Abdul Manan Ismail dengan menyumbang RM10,000 bagi membeli kelengkapan alat muzik dan RM2,000 sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri (Dun) Panching, Mohd Zaili Besar untuk pakaian.

Abdul Manan berkata, KKAK perlu diberi ruang mengadakan persembahan yang lebih kerap untuk menggilap bakat sedia ada.

"Siapa tahu, satu hari nanti mereka dapat memberi tunjuk ajar kepada golongan lebih dewasa mengenai irama rakyat yang ada di antaranya belum pernah diperdengarkan lagi," katanya.

Lirik lagu Lenggang Si Anak Kayan

Alah lenggang lenggallah
kayan
Lenggang menjunjung
seni warisan
Lenggang yang lama
usah dilupa
Hilang di mata budaya kita

Gendang dipalu bertalu
Mengikut alunan lagu
Gerak jiwa satu
Tegap berpadu

Usah anak kayan malu
Hindar rasa jemu
Mengensot merangkak lalu
Timbalah ilmu

Gendang gendut tali kecap
Bukan nama yang kami cari
Dendang lama kita warisi
Patah tumbuh hilang berganti

Yang cicir tidak dicari
Yang hilang tidak digali
Yang ada dibiarkan pergi
Yang rugi kita sendiri

Anak kayan jangan dilupa
Kalau lupa antara lena
Dalam lena menjadi mimpi
Dalam mimpi menjadi pasti

> Info

> Kumpulan Kesenian Anak Kayan (KKAK) ditubuhkan pada 3 Oktober 2009 yang mempraktikkan seni tradisional dalam muzik irama Melayu lama

> Kumpulan diurus dan dikendalikan oleh Mohd Rafali Ramli dan Che Wan Mohd Fadli Wan Zainuddin, manakala jurulatihnya, Noor Azman Norawi

> Ia dianggotai sembilan ahli dan berpusat di Gerai Klasik Y40, Kampung Permatang Badak, Kuantan

> KKAK mengadakan latihan tiga kali dalam seminggu, maklumat lanjut sila hubungi 017-9569365